

PRINSIP *KHIYĀR* (PILIHAN) DALAM UNDANG-UNDANG BERKAITAN JUALAN BARANGAN MENURUT ISLAM

THE PRINCIPLE OF *KHIYĀR* (OPTION) IN THE SALE OF GOODS FROM ISLAMIC PERSPECTIVE

Hasri Harunⁱ, Shofian Ahmadⁱⁱ & Ruzian Markomⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding Author). Calon Phd, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM. has_elly@yahoo.co.uk

ⁱⁱ Prof Madya/Timbangan Dekan Hubungan Siswazah Fakulti Pengajian Islam UKM. shofian@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Prof Madya/ Timbalan Dekan Fakulti Undang-Undang UKM. ruzian@ukm.edu.my

Abstrak

Khiyār atau pilihan adalah hak yang diberikan oleh hukum syarak terhadap pembeli dan penjual samada ingin meneruskan atau membatalkan kontrak yang dilaksanakan. Hak *khiyār* ini telah dijelaskan secara mendalam dalam kitab fiqh muamalah khususnya dalam jual beli. Namun demikian dalam undang-undang transaksi jual beli di Malaysia, tidak terdapat peruntukan khusus yang memberikan hak *khiyār* kepada pihak-pihak yang berkontrak. Hal ini boleh mengakibatkan kontrak jualan barangan tersebut menimbulkan masalah kepada kedua belah pihak dari aspek perundangan dan hukum syarak. Artikel ini bertujuan menganalisa persamaan dan perbezaan jenis *khiyār* yang utama dalam fiqh muamalah serta elemen berkaitan pilihan dalam Akta Jualan Barangan 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Pendekatan perbandingan telah digunakan menurut prinsip *khiyār* dalam fiqh muamalah dan amalan pilihan dalam Akta Jualan Barangan 1957. Kajian mendapati bahawa terdapat penyelarasan dalam beberapa peruntukan berkaitan pilihan dalam undang-undang yang bersamaan dengan elemen *khiyār* °Ayb (pilihan kerosakan). Kajian ini penting sebagai panduan dalam pelaksanaan menyeluruh konsep *khiyār* dalam undang-undang jualan barangan sedia ada di Malaysia bagi memelihara hak dan kepentingan pihak pengguna dan penjual.

Kata kunci: *Khiyār*, Fiqh Muamalah, Kontrak, Jualan Barangan, Undang-undang pengguna.

Abstract

Khiyār or options are rights granted by Islamic law against the buyer and seller whether to continue or cancel the contract in place. *Khiyār* rights has been explained in detail in the books of fiqh transactions, particularly in the sale section. However, there is no specific provision entitling *khiyār* to the transacting parties in contract in Malaysia. As a result, there is a problem in the sale of goods transaction activity in the laws and fiqh muamalah. This article aims to analyze the similarities and the differences of the main types of *khiyār* according to the fiqh muamalah and evaluate elements of the Sale of Goods Act 1957 and the Consumer Protection Act 1999. Comparative approach is adopted in the analysis of the principle of *khiyār* in fiqh muamalah and practices in the selection of merchandise Sales Act 1957. The study found that there are consistency between the legal option in the laws with the elements of *khiyār* cayb (damage), however, the laws are silent on other types of *khiyār* in fiqh muamalah. This study is important in providing the comprehensive concept of law of *khiyār* sales of existing products in Malaysia to safeguard the rights and interests of the consumer as well as the seller.

Keywords: *Khiyār*. Fiqh muamalah, contracts, sale of goods , consumer law.

PENDAHULUAN

Transaksi perniagaan dalam undang-undang Islam adalah menitikberatkan persoalan antaranya kerelaan dan keredaan kedua belah pihak. Ini bermakna terma kepuashatian

adalah penting bagi memastikan transaksi menjadi sah dan sempurna menurut peruntukan hukum Islam dan undang-undang. Di Malaysia, terdapat beberapa akta yang mengawalselia aktiviti penjualan dan perdagangan antaranya ialah Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan (AJB) 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999. Undang-undang berhubung dengan penjualan barang adalah juga satu cabang daripada undang-undang perdagangan. Melihat dari sudut pengwujudan akta-akta di atas memperlihatkan bahawa Akta Perlindungan Pengguna 1999 diluluskan oleh parliamen selepas daripada Akta Kontrak 1950 di mana akta perlindungan pengguna tersebut lebih menjurus kepada memelihara hak-hak pengguna dalam transaksi jualan dan aktiviti perdagangan. Ini menunjukkan bahawa Akta pengguna ini sebagai melengkapkan daripada akta kontrak 1950 tersebut.

Akta Kontrak diwujudkan pada tahun 1974 manakala Akta Perlindungan Pengguna diwujudkan pada tahun 1999.¹ Akta Perlindungan Pengguna 1999 diwujudkan lebih kepada untuk menjaga hak pengguna daripada diperdayakan oleh penjual dalam urusan jual beli. Menurut bahagian 2 akta ini ia menyebut salah satu tajuk yang berbunyi: “*perlakuan mengelirukan dan memperdaya, representasi palsu dan amalan tak saksama*”, ini menunjukkan dengan jelas bahawa akta ini sememangnya ingin menjaga hak pengguna daripada diperdayakan oleh penjual dalam urusan jual beli.

Akta Perlindungan Pengguna diwujudkan untuk menjaga hak pengguna, tetapi dari sudut perlaksanaannya, menurut penulis ia tidak sepenuhnya terlaksana untuk menjaga hak pengguna. Ini disebabkan beberapa faktor termasuklah yang paling utama ialah masalah pengguna itu sendiri yang kurang bekerjasama dalam meningkatkan tahap perlindungan pengguna. Menurut Mohaji bin Selamat, dua perkara yang penting yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia dan para pemerintah iaitu pertama semua pihak termasuk pengguna perlu bekerjasama dalam meningkatkan tahap perlindungan pengguna di negara ini dan kedua penekanan terhadap pelaksanaan undang-undang yang ada juga perlu dipertingkatkan supaya pengguna tidak teraniaya. Pengetahuan tentang hak pengguna yang baik serta perundangan yang kukuh menjadi faktor yang penting dalam mengelak sebarang ketidakpuashatian serta permasalahan yang akan berlaku dalam setiap transaksi jualan dan pembelian (http://www.malaysianbar.org.my/consumer_protection/urusan_jual_beli_pengguna_masih_tidak_terlindung.html).

Sehubungan dengan itu artikel ini bertujuan untuk melihat kedudukan *khiyār* dalam proses transaksi jualan barangan yang sedia ada menurut sudut perundangan yang ada serta menilai keperluan pengemaskinian elemen pilihan yang wujud dan terhadap aplikasi pilihan dalam perundangan sedia ada. Sehingga kini masih kurang kajian melihat bahawa aplikasi pilihan yang berlaku dalam peruntukan perundangan Malaysia di mana ia hanya memberi ruang pilihan kerosakan (*khiyār ʿayb*) dan tidak memberi ruang-ruang kepada *khiyār-khiyār* yang lain seperti *khiyār shart* dan *khiyār majlis*. (Murshidi et. al, 2013). Artikel ini membincangkan terlebih dahulu konsep *khiyār* menurut hukum kontrak Islam serta menjelaskan latarbelakang Akta Kontrak 1950, Akta Jualan barangan 1957 dan akta perlindungan pengguna 1999 di Malaysia, kemudian perbincangan akan melihat kepada aplikasi pilihan yang berlaku dalam transaksi jualan barangan berdasarkan amalan di kedai di samping melihat kekurangan aplikasi yang berlaku dalamnya.

¹ Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) telah dikuatkuasakan pada 15 November 1999, sebagai perlindungan perundangan kepada pengguna dalam hal kepenggunaan dan lain-lain hal yang berkaitan dengannya. Akta ini terpakai kepada semua urusan jualan barangan atau perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna. Lihat Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) (2010). Selangor: Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd.

KONSEP *KHIYĀR* MENURUT ISLAM

Khiyār menurut bahasa adalah daripada kata *ikhtiyār* yang bererti mencari yang baik daripada dua urusan baik meneruskan akad atau membatalkannya (Muhammad Azzam: 2010). Ini bermakna pilihan, umumnya merujuk kepada jenis hak tertentu merangkumi dua pihak iaitu pembeli dan penjual untuk mengesahkan sesuatu kontrak atau membatalkan kontrak tersebut (al-Shalabiyy, 1983). Kebiasaannya penentuan *khiyār* ini berdasarkan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (http://www.malaysianbar.org.my/consumer_protection/urusan_jual_beli_pengguna_masih_tidak_terlindung.html).

Dalam kitab *Kifāyat al-Akhyār*, Imam Taqiyy al-Din Abu Bakr bin Muhammad al-Husayniyy (1994) menyebut bahawa *khiyār* bagi dua orang pembeli dan penjual adalah selagi mana mereka tidak berpisah dalam urusan jual beli tersebut. Beliau menambah lagi bahawa syarat berpisah tersebut adalah selama tiga hari.

Sebenarnya *khiyār* disyariatkan adalah untuk memenuhi kepentingan transaksi perniagaan menurut hukum Islam. Kepentingan ini bertujuan menjaga kemaslahatan dan kerelaan kedua belah pihak dan melindungi mereka dari kemungkinan bahaya yang merugikan perniagaan mereka kelak. Secara umumnya ulama telah membahagikan *khiyār* ini kepada beberapa jenis. Mazhab Hanafiyy membahagikan kepada tujuh belas jenis, Shafi'iyy enam belas, Hanbaliyy lapan jenis dan Malikiyy dua jenis (Wahbah, 1983). Namun dalam artikel ini penulis hanya menjelaskan empat *khiyār* utama sahaja iaitu ialah *khiyār al-majlis*, *khiyār al-shart*, *khiyār al-ʿayb*, dan *khiyār al-ru'yah*. Pemilihan empat jenis *khiyār* utama ini berdasarkan kupasan yang paling banyak dalam kitab-kitab fiqh muktabar di samping penulis hanya menumpu aspek-aspek pilihan yang berkaitan dengan unsur *khiyār* berdasarkan perundangan di Malaysia daripada Akta-akta yang dipilih sahaja.

Jenis-Jenis *Khiyār* Dalam Perbincangan Ulama

a. *Khiyār al-Majlis*

Khiyār al-majlis merujuk kepada hak pilihan ketika dalam majlis. Ini dimaksudkan dengan hak bagi kedua belah pihak, antara penjual dan pembeli untuk melangsungkan jual beli atau membatalkannya selama masih berada di tempat (majlis) jual beli itu (al-Husayniyy, 1994). Apabila keduanya berpisah dari majlis tersebut, maka hilanglah hak *khiyār* ini sehingga perubahan tidak dapat dilakukan lagi (ʿAliyy Hasan, 2007). Majlis akad ini juga bermaksud waktu yang dimulai *ijab* dan waktu berterusan selagi belum berlaku *qabul*. Oleh yang demikian dalam tempoh waktu tersebut penjual dan pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan samada meneruskan atau membatalkannya (Abu Ghuddah, 1985). *Khiyār* ini menurut mazhab Shafi'iyy dan Hanbaliyy terbatas kepada akad *muawadat*² dan *ijarah* (sewaan). Manakala mazhab Malikiyy dan Hanafiyy menolak keberadaan *khiyār al-majlis* ini.

b. *Khiyār al-Shart*

Khiyār al-shart merupakan suatu pilihan yang telah ditetapkan syarat dalam sesuatu kontrak. Ia memberikan hak kepada salah satu, atau kedua-duanya atau kepada pihak ketiga untuk mengesahkan atau membatalkan sesuatu kontrak dalam sesuatu tempoh masa (Obaidullah, 1998). Pada dasarnya *khiyār* ini memberi tempoh masa tersebut supaya penilaian semula faedah dan kos terlibat dapat dilakukan dalam sesuatu kontrak tersebut. Imam Shafi'iyy dan Abu Hanifah menghadkan tempoh *khiyār al-shart* hanya kepada tiga hari, manakala imam Ahmad bin Hanbal tidak menetapkan limitasi tempoh tersebut. Tujuan *khiyār* ini adalah untuk memberi peluang kepada penjual dan pembeli supaya tidak terburu-

² Muawadat bermaksud akad yang saling mengganti antara dua pihak seperti segala bentuk jual beli di mana pembeli memberi sejumlah wang kepada penjual dan si penjual memberikan barang yang dibeli.

buru mengambil keputusan bagi membolehkan mereka berfikir dan membuat keputusan sewajarnya. Dalam *Majallat al-Ahkam al-Adliyyah* menyebutkan bahawa diharuskan mengadakan syarat bagi pilihan (*khiyār*) untuk membatalkan akad dan pihak yang telah diberi pilihan tersebut samada memilih meneruskan atau memfasakhkannya (Al-Ahkam Al-Adliyyah 1990, Terjemahan: Md Akhir Hj Yaakob).

c. *Khiyār al-ʿAyb*

Khiyār al-ʿayb ialah hak untuk membatalkan atau meneruskan jual beli barang bagi pihak yang berakad. Hal ini terjadi jika sesuatu barang yang dibeli mengalami kecacatan atau kerosakan, maka penjual berhak mengembalikan wang yang diberi oleh pembeli tersebut (Nur Muhammad, 1998). Dalam jual beli, Islam mensyaratkan kesempurnaan dalam amalan perniagaan dan melarang berjual beli dengan amalan yang salah dan batil. Para fuqaha menitikberatkan keharusan *khiyār al-ʿayb* ini kerana ia bagi memastikan keselamatan sesuatu barangan yang menjadi subjek kontrak daripada sebarang kecacatan. Memastikan keselamatan barangan tersebut sangat penting sehingga pihak yang memiliki barang tersebut mendapat manfaat sepenuhnya sehingga memenuhi hajat dan keperluannya (Yahya al-Murtada, 1988). Secara prinsipnya *khiyār al-ʿayb* ini bertujuan apabila akad kontrak itu berlaku sekiranya tidak terjamin subjek kontrak, maka kerelaan yang merupakan asas kontrak terjejas, maka bagi menampung kekurangan ini disyorkan *khiyār al-ʿayb* bagi pihak yang bakal memiliki barang tersebut (Ibn al-Humam, 1985).

d. *Khiyār al-Ruʿyah*

Khiyār al-ruʿyah ialah hak membuat pilihan yang diberi kepada pembeli samada ingin meneruskan kontrak atau membatalkannya apabila telah melihat barang jualan yang tidak dilihatnya semasa melakukan akad (Suruhanjaya Sekuriti, 2006). Mazhab Hanafi menggariskan jual beli barangan yang tidak nampak sah di sisi hukum. Mereka berpendapat risiko pembeli adalah minimum kerana jika barangan sudah sampai, maka pembeli berhak untuk membuat pilihan barangan yang dilihatnya (Suruhanjaya Sekuriti, 2006). Imam Shafiʿiyy pula tidak bersetuju kerana transaksi sebegitu terdapat *gharar* yang tidak diketahui risikonya.

Walaupun majoriti fuqaha berpandangan *khiyār* (pilihan) ialah perjanjian membeli atau menjual sesuatu barangan pada harga tertentu dalam tempoh masa yang ditetapkan dan merupakan sesuatu transaksi yang sah di sisi undang-undang tertakluk kepada kebenaran produk tersebut, namun ia masih mempunyai ruang perbincangan yang panjang berkenaan konsep dan amalan *khiyār* yang dilaksanakan terutamanya di negara ini. Oleh yang demikian melihat kepada sudut kesesuaian dan pengharmonian, elemen-elemen pilihan yang dilaksanakan dalam peruntukan undang-undang sedia ada boleh memberi ruang penambahbaikan kearah pelaksanaan prinsip *khiyār* sejajar menurut hukum syarak.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penulis membuat rujukan daripada kitab-kitab turath tentang pendefinisian *khiyār* dan meneliti perbincangan yang mendalam tentang ciri dan pengkelasann yang dihuraikan oleh para fuqaha. Di samping itu meneliti beberapa aspek dan terma yang ditetapkan dalam perundangan Malaysia terutama rujukan doktrin Pilihan daripada Akta Jualan barangan 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 melalui jurnal dan artikel ilmiah para pakar bidang kepenggunaan. Dalam pada itu juga penulis membuat analisa perbandingan antara prinsip *khiyār* dan elemen pilihan dalam undang-undang melihat dari sudut maksud dan pelaksanaan secara holistik tentang perbincangan ulama terhadap kepentingan elemen *khiyār* dalam kontrak perniagaan serta membuat perbandingan dengan unsur-unsur yang berlaku dalam undang-undang berkaitan kontrak perniagaan khususnya di Malaysia.

AKTA KONTRAK 1950 (AKTA 136)

Secara umumnya menurut Abd Majid (2007) berlatarbelakangkan sejarah bahawa Akta kontrak di Malaysia adalah dikanunkan daripada Contracts Ordinance 1950. Akta Kontrak 1950 (Semakan 1974) daripada enakmen Contracts (Malay States) Ordinance 1950 yang terdahulu diaplikasi di sembilan negeri, berasal daripada undang-undang kontrak India iaitu Akta Kontrak India 1872 yang diubahsuai daripada model English yang juga meminjam sebahagian proviso daripada kod deraf New York (Vohrah et. al, 2000). Disebabkan sejarah koloni Inggeris bertapak di tanah Malaya suatu ketika dahulu, maka kesannya terhadap sistem perundangan tempatan adalah berpandukan common law merujuk kepada sistem perundangan di England dan India atas faktor sejarah dan kedudukan Majlis Privy yang dulu merupakan mahkamah rayuan tertinggi Malaysia sebelum digantikan dengan Mahkamah Persekutuan (Farhah et. al, 2011).

Meskipun Malaysia kini mempunyai perundangan kontraknya sendiri iaitu Akta Kontrak 1950 (Akta 136), namun secara asasnya prinsip undang-undang Inggeris yang digunakan. Akan tetapi telah diubahsuai atau dimodifikasikan agar sesuai dengan keadaan tempatan. Akta Kontrak ini adalah berasaskan Akta Kontrak India 1872 yang juga merupakan satu kodifikasi daripada common-law Inggeris. Akta 136 adalah satu perundangan terpenting bagi hal-hal komersial di Malaysia.

Sebagaimana dalam common-law, undang-undang kontrak di Malaysia turut menggariskan keperluan yang perlu wujud dalam sesuatu kontrak. Prinsip asas dalam undang-undang kontrak adalah bagi satu kontrak itu wujud, maka perlu wujud perjanjian yang SAH dan boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang terlebih dahulu.

Di dalam Akta Kontrak 1950 terdapat terma perundangan yang menggariskan elemen hak pilihan yang diberikan kepada pihak-pihak berkontrak. Dalam terma tersebut dinamakan sebagai Pelepasan Kontrak. Dalam sesuatu kontrak adalah menjadi kewajipan kedua belah pihak untuk melaksanakan obligasi yang dipersetujui. Namun hak obligasi itu boleh dilepaskan sekiranya pihak berkontrak tidak dikehendaki melaksanakan kewajipan tersebut mengikut cara-cara dibawah:

- i. Pelepasan menerusi persetujuan.
- ii. Pelepasan dengan pelaksanaan syarat.
- iii. Pelepasan melalui kemungkiran kontrak.
- iv. Pelepasan melalui kekecewaan (Harlina et. al, 1999).

AKTA JUALAN BARANGAN (AKTA 382)

Akta Jualan Barangan (AJB 1957) adalah merupakan sumber utama undang-undang jualan barangan di Malaysia. Akta ini dinamakan sebagai jualan barangan juga dikenali sebagai Akta 382. Akta ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia. Sebelum ini akta ini adalah merupakan semakan kepada Ordinan Jualan barangan (Negeri-Negeri Melayu) 1957 yang dikuatkuasakan hanya di negeri-negeri melayu pada 23 Mei 1957. Akta ini telah disemak semula pada 1989 dan diterbitkan semula sebagai akta Jualan Barangan 1957. Namun pada tahun 1990 AJB ini telah dipinda dan diperluas lagi penggunaannya di Negeri-negeri selatan akibat daripada kekeliruan dan persoalan yang tentang kedudukan akta tersebut. AJB 1957 mengandungi 7 Bab dan 64 seksyen yang memperuntukan perkara-perkara seperti terma tersirat, klausa pengecualian dan remedy (Afiq, 2013).

Akta ini juga mengawal urusan kontraktual jualan barangan antara pembeli dan penjual. Peruntukan yang terkandung di bawah AJK 1957 memperlihatkan kesamaan dengan Akta Inggeris Sales of Goods 1893. Namun akta ini dimansuhkan dan diganti dengan Sales of Goods Act 1979 (Sakina et. al, 2007).

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA (AKTA 599)

Akta Perlindungan Pengguna 1999 adalah merupakan satu peruntukan bagi melindungi pengguna. Penggubalan akta ini amat penting bagi memastikan hak pengguna terpelihara dan mampu mengatasi sebarang masalah khususnya dalam transaksi perniagaan. Selaras dengan aspirasi negara menggalakkan perdagangan sihat serta membanteras penindasan golongan yang lemah, APP 1999 telah diperkenalkan. Dengan berkuatkuasanya APP 1999 pada 15 November 1999, peruntukan-peruntukan APP 1999 yang menyentuh tentang pembekalan barang kini membentuk sebahagian daripada undang-undang jualan barang di Malaysia (Zety Zuriani et. al, 2011).

Justeru bagi menyahut laungan ini, APP 1999 telah digubal bagi memenuhi tiga tujuan utama yakni, (i) mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna; (ii) penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara; dan (iii) penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna (Sakina et. al, 2011). Penguatkuasaan AJB APP 1999 pada 15 November 1999 bermakna peruntukan-peruntukan APP 1999 yang menyentuh tentang pembekalan barang kini membentuk sebahagian daripada undang-undang jualan barang di Malaysia (Sakina et. al, 2011).

Namun demikian pada tahun 2007, untuk lebih memantapkan lagi akta ini pindaan telah dilakukan kepada akta APP 1999 dengan meluaskan lagi kepada e-dagang melalui pemansuhan subseksyen 2(2) (g). Dan pada tahun 2010 pula telah berlaku perubahan besar dengan memperkenalkan Bahagian IIIA berkaitan terma tidak adil. Terma ini bertujuan mengukuhkan lagi tahap perlindungan pengguna di Malaysia. Walau bagaimana pun terma ini menyaksikan berlaku kelompongan yang besar dimana ianya sekadar menambah kepada peruntukan AJB 1957 dan Akta Kontrak 1950 yang mengandungi fasal pengecualian.

Unsur Pilihan Dalam kontrak Menurut Undang-Undang

Pilihan berdasarkan perundangan Malaysia merujuk kepada hak seseorang pembeli dan pengguna untuk meratifikasikan sesuatu perjanjian atau menarik balik kontrak tersebut dalam tempoh waktu yang ditetapkan (Hafiz et. al, 2013). Selain dari itu juga ia menurut peruntukan Akta Perlindungan Pengguna 1999 menjelaskan bahawa terma pilihan yang dimaksudkan ini merujuk kepada hak seseorang pengguna dalam sesuatu transaksi bagi tempoh pembatalan atau penerimaan kontrak³. Menurut Wu Min Aun pilihan adalah merujuk kepada hak bagi seseorang pembeli bagi menentukan samada meneruskan kontrak ataupun tidak (Wu Min Aun et. al, 1996).

Secara umumnya istilah pilihan yang dijelaskan menunjukkan ia adalah satu hak yang diberikan oleh syarak dan perundangan kepada pihak yang berkontrak samada penjual dan pembeli dalam memastikan transaksi perniagaan berjalan dengan penuh kerelaan kedua belah pihak. Ini menunjukkan bahawa peruntukan hak pilihan ini selaras dengan konsep hak pengguna yang dinyatakan dalam undang-undang pengguna iaitu lapan Hak Pengguna yang menggariskan objektif agar hak pengguna dipelihara apakah lapan hak tersebut? Antara 8 hak pengguna tersebut adalah:

- i. Hak mendapat keperluan asas.
- ii. Hak mendapat keselamatan.
- iii. Hak mendapatkan maklumat.
- iv. Hak membuat pilihan.
- v. Hak untuk bersuara.
- vi. Hak untuk mendapat gantirugi.
- vii. Hak mendapatkan pendidikan pengguna

³ Lihat Bahagian VI, Hak Terhadap Pembekal berkenaan dengan gerenti dalam pembekalan barang: Akta Perlindungan Pengguna 1999.

- viii. Hak mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat (<http://www.kpdnkk.gov.my/pengguna/hak-pengguna>).

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa unsur yang bersamaan dengan elemen *khiyār* yang memberi hak kepada pengguna untuk mengelak daripada sebarang penganiayaan. Berdasarkan penjelasan tentang Akta Jualan Barangan 1957 dan Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999 seperti di atas, artikel ini juga akan melihat sejauh mana terma yang terdapat dalam akta tersebut memberi ruang kepada hak *khiyār* (pilihan) kepada pengguna dan penjual sejajar dengan hukum syarak yang diperuntukan. Bagi undang-undang kontrak Islam hak kedua belah pihak harus diberikan agar kepentingan mereka dipelihara. Ini berdasarkan hak kepentingan bersama yang menuntut kepada kedudukan suka sama suka tanpa sebarang penipuan seperti yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-Nisa' ayat 9.

Merujuk kepada Akta Kontrak 1950 menyatakan bahawa “*sesuatu cadangan boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaannya adalah lengkap terhadap pencadang, tetapi tidak selepasnya*” (Akta Kontrak 1950 (Akta 136), bahagian 5). Berdasarkan kenyataan dalam akta ini menunjukkan bahawa berlakunya proses tawar menawar iaitu *khiyār al-qabul*⁴ dan *khiyār al-ruju*⁵ di mana kedudukan *khiyār* ini sejajar pandangan mazhab Hanafiyy dan mazhab Malikiyy. Ini bermakna pembatalan akad dalam kontrak tidak boleh berlaku kerana telah sempurna akadnya. Berbeza dengan pandangan mazhab Shafi'iy dan Hanbaliyy di mana masih wujud lagi *khiyār al-majlis* selagi mana pihak yang berkontrak masih berada bersama-sama dalam majlis. Oleh yang demikian ini bermakna kontrak tidak mengikat sehinggalah kedua-dua pihak beredar atau menolak pilihan tersebut (Kharofa, 2007). *Khiyār* ini termasuklah dalam konsep *muawadat* (komitmen bersama) seperti kontrak jualan, sewaan dan *sulh* (penyelesaian). Maka secara umumnya dapat dilihat bahawa peruntukan pembatalan kontrak jual beli berdasarkan akta kontrak adalah tidak menepati *khiyār* majlis dalamnya berdasarkan hukum Islam.

Manakala dari aspek syarat yang digunakan dalam Akta Kontrak yang merujuk kepada perkara 6B yang mana ia menyatakan: “*sesuatu cadangan adalah dibatalkan dengan luputnya waktu yang telah ditetapkan dalam cadangan itu mengenai penerimaannya, atau, bila waktu tidak ditetapkan sedemikian, dengan luputnya waktu yang munasabah, tanpa komunikasi penerimaan itu*” (Akta Kontrak 1950 (Akta 136), bahagian 6). Dalam aspek hukum syarak, Islam telah memberikan ruang *khiyār al-shart* yang memperuntukan tempoh dalam berkontrak samada mahu meneruskan atau membatalkannya. Dalam *khiyār al-shart*, penjual dan pembeli diberikan tempoh tertentu seperti tiga hari untuk membatalkan transaksi jual beli (Kharofa, 2007).

Sekiranya tempoh yang diberikan itu sudah berlalu, lalu tiadanya pembatalan jual beli, maka dengan sendirinya jual beli itu menjadi sah dan sempurna. Penjual dan pembeli pula tiada ruang selepas itu untuk membatalkan jual beli tanpa persetujuan antara kedua-dua pihak. Namun, berdasarkan kepada akta kontrak, lain pula yang berlaku iaitu apabila tempoh masa yang telah ditetapkan telah tamat, manakala pembatalan terhadap jual beli masih tidak dilakukan, maka dengan sendirinya jual beli itu terbatal (Murshidi et. al, 2013). Ini menunjukkan beberapa ketidakselarasan antara bentuk syarat yang diperuntukan dalam undang-undang dengan ketetapan yang diberikan oleh hukum syarak.

Dalam pada itu juga jika diteliti menurut *khiyār al-^cayb*, sememangnya terdapat ruang yang luas untuk diaplikasi dalam undang-undang jualan barangan di Malaysia. Sememangnya terdapat banyak perkara yang membolehkan *khiyār* ini dapat dilaksanakan.

⁴ *Khiyār al-qabul* bermaksud hak memilih bagi penerimaan tawaran kerana penerimaan tidak boleh dipaksa.

⁵ *Khiyār al-ruju*^c bermaksud pembuat tawaran memiliki *khiyār al-ruju*^c kerana jika penerimaan tidak mesti maka begitu juga dengan tawaran (Wahbah al-Zuhayliyy, 1983).

Misalnya pada bahagian kedua di bawah tajuk: “*Perlakuan Mengelirukan Dan Memperdaya, Representasi Palsu Dan Amalan Tidak Saksama*”, menurut seksyen ke-10(1) (a) memperuntukan kenyataan yang berbunyi, “*Tiada seorang pun boleh membuat representasi palsu atau mengelirukan-bahawa barang itu adalah daripada jenis, standard, kualiti, gred, kuantiti, komposisi, gaya atau model tertentu* (Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599), Seksyen 10(1)(a)).

Undang-undang Malaysia secara khusus tidak menyenaraikan syarat-syarat terperinci seperti dalam undang-undang Islam. Walau bagaimanapun pihak yang berkontrak boleh melaksanakan *khiyār al-ʿayb* bila hak dan jaminan sepatutnya dimiliki telah dicabuli. Dalam undang-undang Malaysia telah menyenaraikan hak dan jaminan yang menjurus kepada hak pengguna dan pembeli (Seksyen 31-38 Akta Perlindungan Pengguna 1999 (akta 599) Peraturan-peraturan dan seksyen 14-16 Akta Jualan barangan 1957 (akta 382)). Terdapat beberapa ciri utama yang wajar di berikan perhatian termasuklah jaminan tersirat barangan, kecacatan tersembunyi, penipuan, kecacatan kekal dan pembeli tidak rela serta tidak bersetuju dengan kecacatan tersebut.

Jual Beli Di Pasaran Dan Kaitannya Dengan *Khiyār*

Transaksi jual beli di pusat membeli belah samada melibatkan premis yang melibatkan jual beli dalam urusan yang berskala besar dan kecil adalah merupakan salah satu transaksi yang paling besar dan paling kerap dilaksanakan kini, yang melibatkan semua peringkat. Walaupun pada asasnya kepelbagaian transaksi jual beli khasnya dalam pusat membeli belah telah memenuhi hak kepenggunaan antaranya ialah hak untuk mendapatkan keperluan asas⁶, namun telah menimbulkan pelbagai masalah dan polemik yang menuntut pihak berwajib melestarikan hak pengguna dalam pelbagai matra demi untuk menjamin hak-hak sebagai pengguna dipelihara. Sebagai contoh, aduan-aduan yang meningkat telah diterima oleh Pusat Khidmat Aduan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Menurut Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) menerima 34,381 aduan daripada pengguna mengenai pembelian barangan dan perkhidmatan yang membabitkan kerugian sebanyak RM250 juta pada tahun 2010 (<http://www.nccc.org.my/v2/index.php/nccc-di-pentas-media/pentas-media-2011/1695-nccc-terima-34381-aduan-babitkan-kerugian-rm250-juta-tahun-lepas>).

Penulis tidak membincangkan kesemua permasalahan dalam konteks yang luas tetapi, hanya memilih satu isu yang paling kerap berlaku dalam transaksi jual beli di pasar raya iaitu yang melibatkan jaminan kualiti sesuatu barangan. Ini kerana isu ini boleh dikatakan satu fenomena songsang dalam jual beli di Malaysia khasnya. Sebagai contoh, apabila seorang pembeli ingin membeli sesuatu barangan misalnya satu barangan, dan setelah pembayaran dilakukan, didapati kandungan barangan tersebut telah rosak walaupun tarikh luput yang tertera menunjukkan barangan tersebut masih sesuai untuk digunakan. Manakala dalam situasi yang berasingan, terdapat juga barangan yang tidak selaras dengan nilai yang telah dibelanjakan.

Antara contoh jaminan kualiti yang boleh digambarkan berdasarkan aduan berikut menggambarkan situasi sebenar yang berlaku:

“I have purchased some clothes from the shop. As I was rushing to catch a plane, I told the shop attendant that I don't have the time to try all the clothes. However, the shop attendant told me that the clothes can be changed. After my trip, I tried the clothes but some of them could not fit. I went to the shop again for an exchange for other sizes but they don't have

⁶ Berdasarkan Akta Kepenggunaan, terdapat sebanyak 8 asas hak pengguna dalam transaksi jual beli, iaitu ; Hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan keselamatan, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapatkan ganti rugi, hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna, hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat. Sumber daripada Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC). <http://www.nccc.org.my/v2/index.php/portal-pengguna/hak-hak-pengguna>. 1 November 2011.

the size for the items specified. The shop attendant now told me that it is the company's policy that goods sold are not returnable, refundable or exchangeable. There was no clear sign indicating that earlier on, however, there are indications of the receipt of that, which consumers can only see after the purchase. I feel that I have been cheated into purchasing the clothes as I could have just walked away from the purchase or come back another time. Now I have 7 items that could not be worn (<http://www.nccc.org.my/v2/index.php/aduan-pengguna/arkib-2010/163-others/1528-complaints-the-goods-sold-are-not-returnable-refundable-or-exchangeable>).

(Terjemahan, "Saya telah membeli beberapa pakaian dari kedai. Saya telah bergegas untuk menaiki kapal terbang, saya memberitahu atendan kedai yang saya tidak mempunyai masa untuk mencuba semua pakaian. Walau bagaimanapun, atendan kedai memberitahu saya bahawa pakaian boleh dipulangkan. Selepas perjalanan saya, saya mencuba pakaian tetapi sesetengah daripadanya tidak muat. Saya pergi ke kedai lagi untuk pertukaran untuk saiz lain tetapi mereka tidak mempunyai saiz untuk item tertentu. Atendan kedai kini memberitahu saya bahawa dasar syarikat bahawa barang yang dijual tidak boleh dipulangkan, dikembalikan atau ditukar. Tiada tanda-tanda jelas yang menunjukkan bahawa sebelum ini, tetapi, terdapat tanda-tanda penerimaan itu, dimana pengguna hanya boleh melihat selepas pembelian. Saya rasa saya telah ditipu semasa membeli pakaian kerana saya boleh hanya berjalan jauh dari pembelian atau kembali masa yang lain. Sekarang saya mempunyai 7 perkara yang tidak boleh dipakai).

Dalam hal ini, pengguna berhak untuk menuntut ganti rugi berdasarkan kelemahan mahupun kecacatan yang terdapat pada barangan yang telah dibeli. Namun situasi yang membelenggu dalam transaksi jual beli di pasar raya pada hari ini bukan sahaja menyusahkan pengguna malah tidak mengendahkan tuntutan terhadap hak pengguna sebaliknya meletakkan kesilapan dan kekurangan terhadap pengguna secara mutlak. Justeru jika dilihat dalam konteks muamalat Islam, konsep *khiyār* adalah merupakan indikasi terbaik sebagai solusi dalam masalah yang timbul dalam transaksi jual beli.

Manakala dalam situasi di atas, konsep *khiyār al-ʿayb*⁷ pula adalah sebagai jalan penyelesaian yang menjamin hak pengguna dalam bermuamalah. Sekiranya barang yang terikat dalam transaksi tidak memenuhi kegunaan asalnya dan mengurangkan nilai pasarannya atau tidak memenuhi syarat kegunaan yang sepatutnya, maka ketika itu pengguna yang berkontrak mempunyai hak *khiyār al-ʿayb*. Manakala dalam mazhab Malikiyy, pilihan ini juga dinamakan *khiyār al-naqisah*⁸. Ini kerana kekurangan yang terdapat dalam situasi telah jelas mengurangkan nilai barang tersebut. Sudah menjadi kaedah umum bahawa pengkhianatan atau penipuan tidak boleh wujud dalam urusan jual beli. Ini menjamin keselamatan dalam aspek jual beli. Keselamatan tidak wujud sekiranya terdapat kecacatan mahupun kekurangan dalam penjualan sesuatu barang. Dalam situasi ini, peruntukan Akta Perlindungan Pengguna 1999 di bawah seksyen 32 (1), (2), (3), (4) dan seksyen 68 (1), (2) juga menjadi batu asas melindungi hak pengguna yang mana dikatakan:

"Jika barang dibekalkan kepada pengguna, maka hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa barang itu adalah daripada kualiti boleh diterima. Jika apa-apa kerosakan disebabkan

⁷ *Khiyār al-ʿayb* dari segi literalnya ialah jika seseorang membeli barang yang mengandungi aib atau cacat dan ia tidak mengetahuinya hingga si penjual dan si pembeli berpisah, maka pihak pembeli berhak mengembalikan barang dagangan tersebut kepada si penjualnya. Dan syarat penetapan *khiyār al-ʿayb* ialah i. Memastikan kecacatan terhadap sesuatu barang telah lama (telah berlaku tanpa disedari) ii. Kecacatan barang menyebabkan kerugian terhadap pembeli, dan iii. Kualiti barang tidak selaras dengan nilai yang diperuntukkan (Mustafa al-Khin et. al, 2008 & Wahbah al-Zuhayliyy 1983).

⁸ *Khiyār al-naqisah* bermaksud ialah *khiyār* yang disebabkan adanya perbezaan dalam lafaz atau adanya kesalahan dalam perbuatan atau adanya pengantian.

keseluruhannya atau sebahagiannya oleh kecacatan pada sesuatu keluaran, orang yang berikut hendaklah menanggung liabiliti bagi kecacatan itu".⁹

Justeru, berdasarkan contoh dan kes di atas nyata bahawa *khiyār al-^oayb* telah menginterpretasikan kesempurnaan muamalat Islam. Ini kerana kesempurnaan sesuatu barang adalah penting dalam kontrak jual beli demi untuk menjamin kepuasan dan kepentingan kedua-dua pihak (penjual dan pembeli) dan juga mengimbangi kecacatan sesuatu barangan. Perlu diingat bahawa tegahan Allah SWT yang dirakamkan melalui surah al-Nisa' ayat 29 jelas menunjukkan larangan pengambilan wang secara haram dan memerintahkan supaya manusia melakukan perniagaan secara reda meredai.

KESIMPULAN

Secara umumnya artikel ini menunjukkan bahawa aplikasi konsep *khiyār* dalam enakmen dan akta sedia ada adalah tidak menyeluruh dengan tidak memperuntukkan dengan tepat tentang *khiyār al-shart* dan *khiyār al-majlis* dan hanya menepati ciri konsep *khiyār al-^oayb* sahaja walaupun dikenalpasti terdapat banyak isu yang timbul kepada pengguna di berbagai peringkat yang perlu untuk diberikan penyelesaian mengenainya. Pemeraksanaan undang-undang dalam kontrak jual beli khususnya dalam pemakaian Akta Jualan barangan 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 perlu untuk diperkemas dan merujuk kepada undang-undang kontrak sebagaimana yang diperuntukkan dalam hukum Islam semata-mata bagi menjamin kebajikan kedua belah pihak yang melakukan transaksi jual beli.

Namun demikian, realiti semasa perlu diambilkira dalam mengimplementasikan hukum Islam untuk diamalkan. Aplikasi *khiyār* dalam undang-undang kontrak boleh diperluas dan diperkemas bagi menjamin hak mereka yang berkontrak agar selaras dengan prinsip muamalat Islam. Pengharmonian undang-undang islam dengan undang-undang kontrak dan jualan barangan mampu untuk memberi garis keluar kepada sebarang masalah samada berkaitan transaksi dan mengembalikan hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli.

RUJUKAN

- Abd Aziz Muhammad Azzam. 2010. *Fiqh al-Mu^oamalat: Sistem Transaksi dalam Fiqh Islam*. Jakarta: Amzah.
- ^oAbd Sattar Abu Ghuddah. 1985. *al-Khiyar Wa Atharuhu Fi al-^oUqud*. T.tp: Matba^oah Maghawiy Dallah Barakah.
- Abdul Majid Nabi Baksh & Krishnan Arjunan. 2007. *Business Law in Malaysia*. Malayan Law Journal. Lexis Nexis.
- Al-Ahkam Al-Adliyyah (Undang-Undang Sivil Islam). 1990. Terjemahan: Md Akhir Hj Yaakob. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ala-Eddin Kharofa. 2007. *Transaksi Dalam Perundangan Islam*. Terjemahan: Hailani Muji Tahir. T.tp: ITBM.
- al-Shalabiyy, Muhammad Mustafa, 1983. *al-Madkhal Fi al-Ta^orif bi al-Fiqh al-Islamiyy Wa Qawa^oid al-Milkiyyah Wa al-^oUqud Fih*. T.tp: t.pt.
- Ahmad Yahya al-Murtada.1988. *Bahr al-Zuhar al Jam^o Li al-Madhahib ^oUlama' al-Amsar*. San^oa': Dar al-Hikmah al-Yamaniyyah.
- Afiq Hizami Azmir. 2013. *Pembaharuan Undang-Undang Jualan Barangan di Malaysia*. Fakulti Undang-Undang, UKM. Tesis Master, UKM.
- Beatrix Vohrah & Wu Min Aun. 2000. *The Commercial Law of Malaysia*. Edisi kedua. T.tp: Longman.

⁹ Akta 599, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968, Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, hlm. 39-40.

- Farhah Abdullah & Sakina Shaikh Ahmad. 2011. *Fasal Pengecualian Dan Kawalan Undang Undang Di Malaysia, Layanan Perundangan*. Prosiding Perkem IV.
- Hafiz Shukri & Ruzian Markom. 2013. *Pengharmonian Prinsip Khiyār Al-Ru'yah Dalam Transaksi Perniagaan Di Malaysia*, Jurnal Kanun, DBP.
- Harlina Mohamed On, Ruzian Markom & Rozanah Ab Rahman. 1999. *Prinsip Undang-Undang Perniagaan di Malaysia*, Shah Alam: t.pt.
- Taqiyy al-Din Abu Bakar bin Muhammad al-Husayniyy.1994. *Kifayat al-Akhyar Fi Hall Ghayat al-Ikhtisar*. Jil.1. T.tp: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin °Abd al-Wahid al-Suyawasiyy. T.th. *Sharh Fath al-Qadir*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mohd Murshidi Mohd Noor, Ishak Suliaman, Khadher Ahmad, Fauzi Deraman, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Monika Munirah Abd Razzak, Jilani Touhami Meftah, Sedek Ariffin, Ahmad K. Kasar and Mohd Roslan Mohd Nor. 2013. *The Rights of Khiyar (Option) in the Issue of Consumerism in Malaysia*. Middle-East Journal of Scientific Research 13 (2).
- Mohammed Obaidullah. 2002. *Islamic Risk Management: Towards Greater Ethics and Efficiency*. International Journal of Islamic Financial Services. Vol. 3. No. 4. <http://www.iiibf.org/journals/journal12/obaidvol3no4.pdf> 21 Disember 2011.
- M.Nadrattuzaman Hosen dan AM. Ali Hasan. 2007. *Kamus Popular Keuangan Ekonomi Syariah*. Jakarta: PKES Publishing.
- Michael D. Bayles. 1987. *Principles of Law A Normatif Analysis*. Holland: Riding Publishing Company Dordrecht.
- Muhammad Salam Madkur. 1963. *al-Madkhal al-Fiqh al-Islamiyy*. T.tp: Dar al-Nahdat al-°Arabiyyah.
- Munir al-Ba°labakiyy. 1990. *Qamus al-Mawrid*. Beirut: Dar al-°Ilm Li al-Malayin.
- Mohammed Obaidullah. 1998. *Financial Engineering with Islamic Options*. Islamic Economic Studies, Vol. 6, No. 1.
- Nasrul Hisyam Nur Muhamad. 2008. *Aplikasi Sains Dan Teknologi Dalam Transaksi Muamalah Islam: Rujukan Kepada Rukun-Rukun Akad Mengikut Perspektif Undang-Undang Kontrak Islam*. Jurnal Teknologi, 49(E) Dis.
- Suruhanjaya Sekuriti. 2006. *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Security Commision.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff. 2007. *Susur Galur Undang-Undang Jualan Barangan Di Malaysia, Undang-Undang Malaysia: 50 Tahun Merentas Zaman*. Fakulti Undang-Undang, UKM.
- Wu Min Aun & Beatrix Viohrah. 1996. *The Commercial Law Of Malaysia*. T.tp: Cornell University Press.
- Zeti Zuryani Mohd Zakuan & Sakina Shaikh Ahmad Yusof. 2011. *Gerenti Tersirat Di Bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999: Penambahbaikan Ke Atas Kepada Syarat Tersirat Dibawah Akta Jualan Barangan 1957*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat.

Akta

Akta Jualan barangan 1957 (Akta 382).

Akta Kontrak 1950 (Akta 136).

Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).